

# 4 graduan dwijjazah terima hadiah kecemerlangan UMP

Berita Harian (Khasian) 20/11/19 (Kebu) m/s: 17

**Kuantan:** Pengantarabangsaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam membina jaringan kerjasama akademik yang kukuh dengan universiti di Jerman mampu melahirkan graduan berdaya saing.

Graduan program dwijjazah Mekatronik dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM), Nabillah Rosli, 25, berkata mahasiswa perlu mencari peluang menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran terutama dari segi teknologi.

Dia berbangga apabila berjaya menamatkan pengajian dan memperoleh dua ijazah serentak daripada UMP dan Karlsruhe University of Applied Sciences (HS-KA).

Lebih membanggakan, Nabillah dan sahabat baiknya, Ong Kai Li, 24, berkongsi kejayaan menerima Hadiah Kecemerlangan Program Dwi-Ijazah pada Majlis Konvokesyen UMP Ke-14 di UMP, baru-baru ini.

Nabillah dari Terengganu dan Kai Li dari Pulau Pinang bersyukur serta teruja dapat menamatkan pengajian dalam tempoh ditetapkan.

Perbezaan budaya bukan halangan kepada mereka untuk berkongsi pandangan dan idea dalam melaksanakan setiap tugas di beri penyahar mereka.

Nabillah berkata, UMP adalah universiti terbaik dalam membina jati diri dari segi akademik dan pembentukan sahsiah diri serta meningkatkan pengetahuan dalam mendeapani teknologi.

"Untuk terus maju dan berjaya,



Graduan UMP bersama penerima Hadiah Kecemerlangan Program Dwi-Ijazah pada Majlis Konvokesyen UMP Ke-14, Gambang, baru-baru ini.

(Foto ihsan UMP)

mahasiswa perlu sentiasa mencari peluang memajukan diri dan tidak mudah berputus asa kerana kejayaan tidak hadir tanpa usaha gigih," katanya.

Sementara itu, Kai Li yang juga penerima Anugerah Dekan berkata, selama enam semester sepanjang pengajian, dia berpegang kepada prinsip pemikiran positif yang menjadi kunci kejayaan.

Katanya, UMP adalah universiti awam yang berupaya membina nama dalam bidang teknologi dan

kejuruteraan pada peringkat antarabangsa.

"Pengalaman dan kepehitan ditempuh ketika pengajian menjadi pengalaman dalam hidup, terutama cabaran mempelajari bahasa asing serta ketika menjalani program mobiliti di Jerman selama enam bulan.

"Pengalaman belajar di Jerman memberikan saya peluang belajar kebudayaan dan teknologi negara terbabit, malah dapat mempelajari budaya masyarakat Jerman

dalam mendidik generasi muda," katanya.

Kai Li kini berkhidmat sebagai jurutera pembangunan dan penyelia di Vitrox Corporation Berhad.

Turut menerima anugerah itu ialah Mitchell Enrique Kuansin, 24, yang juga menerima Hadiah Kecemerlangan Yayasan Sabah.

Turut berkongsi kegembiraan adalah penerima Anugerah Profesional Pembelajaran Sepanjang Hayat, Datuk Mokhtar Samad

yang berkongsi pentas konvokesyen serentak dengan isteri dan empat anaknya selepas berjaya menamatkan pengajian program Master Eksekutif Pengurusan Projek di bawah UMP Advanced Education (UMPA).

Seramai 3,782 graduan UMP bergraduasi pada Majlis Konvokesyen UMP Ke-14 disempurnakan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang juga Canselor UMP.